

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

KAWASAN : KOTA BHARU

NO. SOALAN : 309

SOALAN

YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan terkini mengenai Trans Pasific Partnership Agreement (TPPA).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

2. Walaupun Perjanjian TPP telah ditandatangani pada 4 Februari 2016, ia hanya akan berkuat kuasa apabila kesemua negara meratifikasi perjanjian ini dalam tempoh 24 bulan. Sekiranya ini tidak dicapai, perjanjian akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya 6 negara yang

menyumbang 85% daripada jumlah keluaran dalam negara kasar (KDNK) dua belas negara, meratifikasi TPPA.

3. Bagi mematuhi komitmen Malaysia di dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Malaysia perlu meminda beberapa undang-undang dan peraturan sedia ada untuk memenuhi obligasi di bawah TPPA. Sebanyak 18 undang-undang perlu dipinda dan merangkumi bab-bab berikut:

- i) Akta Kastam 1967;
- ii) Akta Zon Bebas 1990;
- iii) Akta Tanda Niaga 1976;
- iv) Akta Paten 1983;
- v) Akta Hakcipta 1987;
- vi) Akta Indikasi Geografikal 2000;
- vii) Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan Baru 2004;
- viii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- ix) Akta Kesatuan Sekerja 1959;
- x) Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- xi) Akta Kerja 1955;
- xii) Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990,
- xiii) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981;
- xiv) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966;
- xv) Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan 1995;
- xvi) Ordinan Buruh Sabah (Cap. 67);
- xvii) Ordinan Buruh Sarawak (Cap. 76); dan
- xviii) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

4. Pindaan ke atas undang-undang Malaysia adalah untuk memastikan undang-undang kita dikemas kini berdasarkan perkara yang telah dipersetujui dalam rundingan. Kajian semula undang-undang berkenaan juga akan memberi ruang bagi pihak berkepentingan untuk menyampaikan cadangan bagi menambah baik keberkesanan undang-undang tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

5. Kerajaan sejak termuktamadnya rundingan TPPA telah mempergiatkan aktiviti-aktiviti penerangan secara menyeluruh kepada *stake-holder* seperti sektor swasta, syarikat-syarikat milik Kerajaan, penjawat awam dan juga kumpulan-kumpulan berkepentingan seperti NGOs, ahli-ahli akademik, pelajar dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Tujuan aktiviti penerangan ini adalah untuk menjelaskan secara terperinci isi kandungan perjanjian TPP serta meningkatkan kesedaran tentang peluang-peluang perniagaan serta cabaran. Pada masa yang sama, Kerajaan juga mempersiapkan syarikat-syarikat tempatan khususnya syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Bumiputera untuk lebih berdaya saing diperingkat domestik dan global. YB. Menteri MITI juga turut berjumpa dengan PKS tempatan dalam satu sesi penerangan mengenai TPPA pada 19 April 2016. Setakat ini, selepas TPPA ditandatangani, tidak kurang daripada 70 sesi penerangan telah diberi.

6. YB Menteri MITI seterusnya akan mengadakan sesi taklimat bersama wakil-wakil Negeri bagi membincangkan komitmen Malaysia di bawah TPPA serta memastikan pelaksanaan TPPA yang berkesan. Dalam sesi

ini, YB Menteri MITI akan menerangkan mengenai peruntukan-peruntukan berkenaan untuk Negeri-negeri serta pengecualian, fleksibiliti dan *carve-out* yang telah diperolehi. Di samping itu, penerangan juga akan diberi berhubung tadbir urus terutama berkaitan pengurusan alam sekitar serta pengurusan kontrak yang melibatkan pelabur asing. Sesi taklimat ini juga akan melibatkan pasukan perunding dari Kementerian lain dan Jabatan Peguam Negara.

7. Seperti mana tersedia maklum semasa debat Parlimen yang berlangsung pada 26-28 Januari lepas, YB. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Kebangsaan akan ditubuhkan.

Tuan Yang DiPertua,

Jawatankuasa Kebangsaan

8. Jawatankuasa Kebangsaan ini terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dari semua Kementerian dan Agensi yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Perjanjian TPP.

9. Objektif utama Jawatankuasa Kebangsaan adalah untuk memantau persiapan negara ke atas pelaksanaan TPPA, merangka strategi dan hala tuju negara ke atas pelaksanaan TPPA, menyelaras isu-isu merentasi Kementerian dan Agensi dalam pelaksanaan TPPA, dan memacu agensi pelaksana untuk menggerakkan program bina upaya.

Jawatankuasa Penasihat

10. Di samping itu, bagi memastikan konsultasi secara berterusan dengan sektor swasta serta pihak-pihak berkepentingan yang lain, satu Jawatankuasa Penasihat ditubuhkan. Antara objektif Jawatankuasa Penasihat ini ialah untuk mendapatkan maklum balas daripada sektor swasta dan pihak berkepentingan yang lain serta menilai impak pelaksanaan TPPA. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menimbangkan strategi dan langkah untuk memperoleh manfaat secara maksimum daripada TPPA. Bina upaya bagi PKS dan usahawan Bumiputera akan diberi tumpuan di bawah Jawatankuasa ini.

Tuan Yang DiPertua,

11. Melalui penyertaan yang menyeluruh daripada semua peringkat ini, Kerajaan yakin bahawa Malaysia akan mendapat manfaat maksimum daripada pelaksanaan TPP dan seterusnya menguntungkan negara dan rakyat.